



Laporan Pelaksanaan Program Rintis *Training of Trainers* Rakan NADMA

Berdasarkan Garis Panduan
Pelaksanaan Pegurusan Risiko
Bencana Berasaskan Komuniti
(CBDRM) di Malaysia

© 2025 Malaysian Medical Relief Society
(MERCY Malaysia)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada pembentangan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperolehi semula, atau disebarkan dalam apa jua bentuk [elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya] tanpa kebenaran pemilik hak cipta.

MERCY Malaysia menghargai penerimaan butiran mengenai penggunaannya. Permintaan untuk penerbitan semula secara komersial hendaklah diarahkan kepada MERCY Malaysia di info@mercy.org.my.

Semua foto yang digunakan dalam laporan ini adalah hak cipta MERCY Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

Laporan Pelaksanaan Program Rintis *Training of Trainers* Rakan NADMA berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pegurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) di Malaysia.

Tingkat 1, Bangunan MCOBA,
42 Jalan Syed Putra,
50460 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

T: +603 2276 2116
F: +603 2276 3116
info@mercy.org.my
www.mercy.org.my

Isi Kandungan

5 Laporan Pelaksanaan Program Dan Latihan Berkaitan

7 Pendahuluan

- Pengenalan Program
 - Objektif Bengkel
 - Kerjasama antara pihak berkepentingan (NADMA, MERCY Malaysia, Rakan NADMA)
-

8 Objektif Program

- Rasional Pelaksanaan Program CBDRM
 - Kepentingan Pelaksanaan CBDRM
-

9 Struktur Program

- Aktiviti dan Atur Cara Program
 - Ringkasan Aktiviti
 - Hasil dan Pembelajaran
-

10 Aktiviti Program Rintis

12 Bengkel CBDRM-TOT Bersama Pakar Subjek dan Pengamal CBDRM Lapangan

14 Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 1

16 TaklimatCBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 2


18 Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 3

20 Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 4

22 Rumusan Umum Bengkel Program Rintis *Training of Trainers* Rakan NADMA

24 Lampiran Gambar Program

36 Glosari



Laporan Pelaksanaan Program dan Latihan Berkaitan Pengurusan Bencana

Nama Program & Latihan	2024
	1. Bengkel CBDRM-Komuniti Siri 1 2. Bengkel CBDRM-Komuniti Siri 2 3. Bengkel CBDRM-Komuniti Siri 3 4. Bengkel CBDRM-Komuniti Siri 4 5. Bengkel CBDRM-TOT Siri 5
	2025
	1. Bengkel bersama pakar subjek dan pengamal CBDRM MERCY Malaysia 2. Bengkel Taklimat untuk Zon Tengah (NDCC) 3. Bengkel Taklimat untuk Zon Tengah (MERCY Malaysia) 4. Bengkel Taklimat untuk Pantai timur (Kota Bharu) 5. Bengkel Taklimat untuk Zon (Sabah)
Tarikh & Masa Program & Latihan	Rujuk Muka Surat 9
Lokasi Program & Latihan	Rujuk Muka Surat 10
Tujuan Program	Pelaksanaan program-program i-iv seperti butiran di atas.
Jumlah Penglibatan / Kehadiran	2024
	200 Peserta
	2025
	290 Peserta



Pendahuluan

Program *Training of Trainers* (ToT) – Pelaksanaan Program CBDRM merupakan satu inisiatif strategik dalam memperkasakan jaringan Rakan NADMA untuk memainkan peranan lebih aktif dalam pengurusan risiko bencana di peringkat komuniti. Program ini dilaksanakan selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) yang dikeluarkan oleh NADMA, bertujuan memastikan pendekatan yang sistematik dan berkesan dalam membangun kapasiti komuniti bagi menghadapi bencana.

Kerajaan Malaysia memberikan komitmen penuh untuk memenuhi keperluan komuniti dalam pengurusan sebelum, semasa dan selepas bencana, seiring matlamat global dalam Rangka Kerja Sendai, 2023–2030. Keputusan yang diambil oleh kerajaan melalui Jawatankuasa Bencana Pusat untuk memperkenalkan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (*Community-based Disaster Risk Management*–CBDRM) dalam semua program bantuan bencana dalam komuniti, amatlah tepat dan jelas hala tujuanya

Objektif Bengkel

1. Melatih jaringan Rakan NADMA dalam pelaksanaan program CBDRM berdasarkan garis panduan NADMA bagi memastikan keseragaman dan keberkesanan pelaksanaan di pelbagai peringkat komuniti.
2. Membantu Rakan NADMA merancang dan melaksanakan program CBDRM yang berimpak tinggi, dengan memberi tumpuan kepada keberkesanan latihan, penyampaian maklumat yang tepat, serta keberdayaan komuniti dalam pengurangan risiko bencana.

Kerjasama antara pihak berkepentingan (NADMA, MERCY Malaysia, Rakan NADMA)

Dengan pelaksanaan program ini, MERCY Malaysia berharap untuk membentuk rangkaian fasilitator bencana yang mampu bertindak sebagai perantara utama dalam memperkasakan komuniti serta mengurangkan impak bencana secara berkesan. Ini selaras dengan matlamat nasional dalam menjadikan pengurusan risiko bencana sebagai satu usaha bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, NGO, serta masyarakat setempat.

Objektif Program

Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) dilaksanakan berdasarkan rasional dan matlamat kerajaan untuk memperkasakan komuniti dalam menghadapi risiko bencana. Berikut adalah objektif utama program ini.

Rasional Pelaksanaan Program CBDRM

1. Memperkasakan Orang Awam dan Komuniti

- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko bencana melalui program kesedaran.
- Mengelakkan kehilangan nyawa, mengurangkan kerugian, dan membantu kerajaan dalam pengurusan bencana.

2. Meningkatkan Kesedaran dan Kesiapsiagaan

- Mendidik masyarakat tentang risiko bencana serta usaha pencegahan, pemulihan, dan peningkatan keupayaan.
- Meningkatkan tahap kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana.

3. Meningkatkan Keupayaan Pengurusan Bencana di Peringkat Setempat

- Memperkukuh keupayaan agensi kerajaan, pemimpin komuniti, NGO, dan pihak berkepentingan dalam pengurusan bencana.
- Menerapkan nilai komuniti berdaya tahan (*community resilience*) untuk menghadapi bencana.

4. Memupuk Ketahanan Masyarakat

- Membolehkan masyarakat bertindak menyelamatkan diri, keluarga, jiran, dan komuniti setempat sebelum ketibaan pihak berkuasa.



Kepentingan Pelaksanaan CBDRM

- **Kesedaran:** Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko bencana.
- **Pengetahuan:** Memberi pengetahuan asas tentang pengurusan risiko bencana.
- **Latihan:** Melatih komuniti dan pemimpin setempat dalam aspek kesiapsiagaan dan tindakan kecemasan.
- **Keupayaan:** Membangunkan keupayaan komuniti untuk menghadapi dan pulih daripada bencana.

Melalui program ini, diharapkan komuniti dapat menjadi lebih berdaya tahan dan proaktif dalam mengurangkan risiko bencana serta bersiap siaga menghadapi situasi kecemasan.

Struktur Program

Aktiviti dan Atur Cara Program

MASA	AKTIVITI/PROGRAM	PENCERAMAH
8.45 pagi	Pendaftaran peserta	—
9.15 pagi	Kata Aluan daripada Wakil NADMA	Wakil NADMA
9.30 pagi	Sesi Taklimat 1 1. Mekanisme Pengurusan Bencana dan Laporan MTL 2024/2025. 2. Pelaporan Bencana di Lapangan menggunakan Sistem DGIM.	Wakil NADMA
10.30 pagi	Rehat	—
10.45 pagi	Sesi Taklimat 2 Pengenalan Pelaksanaan CBDRM (Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti).	MERCY Malaysia
1.00 petang	Makan tengah hari dan bersurai	—


Ringkasan Aktiviti

Program ini bermula dengan pendaftaran peserta dan sesi pengenalan, termasuk ucapan pembukaan serta penerangan objektif program. Sesi awal memberi tumpuan kepada konsep bencana, termasuk jenis, kategori, serta profil bencana di Malaysia. Peserta turut terlibat dalam perbincangan kumpulan mengenai bencana terkini untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap risiko bencana serta tindak balas yang berkesan.

Sesi seterusnya menekankan mekanisme pengurusan bencana, melibatkan penerangan mengenai penyelarasan antara institusi berkaitan. Peserta turut mendalami *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM), dengan fokus kepada tujuh proses utama termasuk penilaian risiko, strategi pemindahan, dan pelaksanaan pelan tindakan komuniti. Kajian kes serta latihan praktikal membantu peserta memahami peranan mereka dalam pengurusan risiko bencana.

Program diakhiri dengan sesi penilaian dan refleksi, di mana peserta berkongsi dapatan serta pengalaman mereka dalam latihan ini. Perancangan hala tuju 2025 turut dibincangkan, termasuk penyelarasan dengan MERCY Malaysia dan Rakan NADMA untuk memperluaskan pelaksanaan CBDRM. Keseluruhan program ini bertujuan meningkatkan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana serta memperkukuh kerjasama antara pihak berkepentingan bagi memastikan tindak balas yang lebih efektif.

Hasil Dapatan Bengkel



Peserta memahami mekanisme pengurusan bencana terkini serta penggunaan Sistem DGIM untuk pelaporan bencana. Mereka juga mendapat pendedahan awal mengenai pelaksanaan CBDRM dan kepentingannya dalam membangunkan komuniti berdaya tahan. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran peserta tentang peranan mereka sebagai Rakan NADMA dalam pengurusan risiko bencana.





Aktiviti Program Rintis

AKTIVITI PROGRAM RINTIS

5.1 Bengkel CBDRM-TOT, IBIS Hotel



Sesi bersama Pakar Subjek dan Pengamal CBDRM Lapangan.

Program ini dimulakan dengan ucapan pembukaan yang memperkenalkan objektif latihan dua hari. Sesi pertama membincangkan konsep bencana, termasuk jenis, kategori, dan profil bencana di Malaysia, diikuti dengan perbincangan kumpulan mengenai kejadian bencana terkini. Sesi kedua menumpukan kepada mekanisme pengurusan bencana, termasuk Rangka Kerja Sendai (SFDRR), peranan NADMA, serta latihan carta aliran bagi memahami struktur tindak balas bencana di Malaysia.



Laporan ini berfungsi sebagai rujukan penting bagi memperkukuh pelaksanaan CBDRM, memastikan komuniti lebih bersedia menghadapi bencana serta memperkuat kerjasama antara pihak berkepentingan.

Latihan ini menekankan CBDRM sebagai pendekatan utama dalam pengurusan bencana komuniti. Sesi 3 memperkenalkan tujuh proses utama, termasuk penilaian risiko dan pembangunan pelan pengurusan bencana, dengan latihan simulasi bagi memahami teknik penglibatan komuniti. Sesi 4 menumpukan pada kajian kes, di mana peserta mengaplikasikan langkah-langkah CBDRM dalam membentuk pelan pengurusan risiko komuniti hipotesis. Sesi 5 memperkenalkan lima modul utama CBDRM, termasuk pengurangan risiko bencana, kesiapsiagaan komuniti, aktiviti alam sekitar, dan perancangan tindakan, dengan latihan praktikal bagi membangunkan strategi yang sesuai. Sesi 6 menumpukan kepada strategi jangka panjang untuk membentuk komuniti berdaya tahan, manakala Sesi 7 melibatkan latihan praktikal dalam merangka pelan tindakan bencana komuniti dan membentangkannya untuk maklum balas. Sesi 9 membincangkan pelaksanaan program susulan selepas fasa CBDRM-TOT, termasuk penyediaan modul dan template perkongsian dapatan peserta.

Peserta membentangkan refleksi mereka mengenai modul yang akan digunakan dalam CBDRM-TOT NADMA, diikuti dengan perbincangan kumpulan kecil untuk berkongsi pembelajaran dan strategi aplikasi ilmu yang diperolehi. Laporan ini berfungsi sebagai rujukan penting bagi memperkukuh pelaksanaan CBDRM, memastikan komuniti lebih bersedia menghadapi bencana serta memperkuat kerjasama antara pihak berkepentingan.

AKTIVITI PROGRAM RINTIS

5.2 Taklimat CBDRM-TOT, National Disaster Command Centre (NDCC)

Program Taklimat dan Bengkel Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) ini dilaksanakan secara kolaborasi antara NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara) dan MERCY Malaysia. Dua sesi taklimat diadakan di Zon Tengah, iaitu di NDCC (*National Disaster Command Centre*) dan pejabat MERCY Malaysia. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemampuan komuniti dalam menghadapi bencana, serta mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO.

Wakil dari pihak NADMA menyampaikan taklimat tentang pengurusan risiko bencana dan kepentingan program CBDRM. Beliau menekankan bahawa komuniti yang ingin melaksanakan program CBDRM boleh mendapatkan buku Garis Panduan daripada pihak NADMA. Perkongsian statistik bencana menunjukkan peningkatan ketara dalam kekerapan bencana. Dalam tempoh 10 tahun yang lalu, kekerapan bencana kini telah dilampaui oleh kekerapan bencana dalam hanya 1 tahun. Walaupun bencana semakin kerap, jumlah kematian berjaya dikurangkan berkat kemampuan komuniti, sistem amaran awal, dan koordinasi yang baik antara pelbagai pihak, termasuk bantuan NGO.


Analisis punca bencana menunjukkan bahawa bencana hidrologi seperti banjir menyumbang kepada peningkatan yang ketara, manakala bencana geofizikal seperti gempa bumi walaupun jarang berlaku, kesannya sangat besar. Data juga menunjukkan trend peningkatan kawasan yang terjejas oleh banjir. Setiap 10 tahun, kawasan banjir akan bertambah luas, dengan kawasan yang sering dilanda banjir mengalami peningkatan keluasan sebanyak 10% berbanding kawasan banjir sebelumnya.

Kerjasama dengan NGO tempatan amat penting dalam membantu komuniti yang terjejas. Ramalan bencana yang dikeluarkan oleh NDCC perlu dikongsi dengan komuniti untuk meningkatkan kesiapsiagaan. Berdasarkan data, fokus utama perlu diberikan kepada negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, dan Pahang, yang sering menjadi hotspot bencana. Saranan juga diberikan untuk membangunkan rangkaian kerjasama awal di kawasan ini, dengan memberi maklumat kepada pegawai daerah sebagai Pengerusi PKOB (Pusat Kawalan Operasi Bencana) untuk merancang bentuk bantuan yang efektif. Alatan dan platform maklumat yang disediakan oleh kerajaan boleh dikongsi dengan komuniti untuk membantu mereka mendapatkan maklumat terkini tentang risiko bencana. Perkongsian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana.



Walaupun bencana semakin kerap, jumlah kematian berjaya dikurangkan berkat kemampuan komuniti, sistem amaran awal, dan koordinasi yang baik antara pelbagai pihak, termasuk bantuan NGO.

Secara keseluruhan, program ini berjaya meningkatkan kesedaran tentang pentingnya Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti. Perkongsian data dan statistik bencana memberikan gambaran yang jelas tentang trend dan keperluan untuk meningkatkan kesiapsiagaan. Kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti tempatan adalah kunci utama dalam mengurangkan kesan bencana.



Sesi taklimat bersama Rakan NADMA.

AKTIVITI PROGRAM RINTIS

5.3 Taklimat CBDRM-TOT, MERCY Malaysia

Pihak NADMA mengucapkan penghargaan kepada NGO dan sukarelawan Rakan NADMA atas penglibatan mereka dalam MTL 2024/25, dengan 650 juta tan barangan digerakkan sebagai bantuan data tidak rasmi. Pelaporan DGIM membantu NADMA mendapatkan data yang lebih tepat, melibatkan 17,000 sukarelawan, dan diharapkan dapat menggalakkan lebih banyak NGO mendaftar serta menyertai platform Rakan NADMA ini. Kerjasama dan koordinasi dalam menyampaikan bantuan adalah kunci utama pengurusan risiko bencana. Walaupun sistem pelaporan masih perlu ditambah baik, NADMA komited untuk memperbaikinya. Pihak NADMA dan MERCY Malaysia turut merancang pelaksanaan CBDRM bagi meningkatkan kesedaran komuniti mengenai risiko bencana dan langkah tindak balas yang berkesan.

Data Pusat Pemindahan Sementara (PPS) menunjukkan lebih 1,000 mangsa di PPS aktif sejak 2022–2024, menjadikannya fokus utama untuk perancangan bencana. 30 siri latihan di PPS bersama JKM akan melibatkan Rakan NADMA bagi meningkatkan koordinasi dan pengurusan PPS yang lebih sistematik. Perancangan awal tiga bulan sebelum musim tengkujuh juga disarankan untuk kesiapsiagaan yang lebih baik.

Maklum balas Rakan NADMA mengenai MTL 2024/25 membantu dalam penambahbaikan pengurusan bencana, mengurangkan cabaran serta meningkatkan keterlibatan NGO dan agensi kerajaan. Perkongsian data bencana global dan Malaysia memperkuat perancangan mitigasi dan membolehkan pembelajaran dari perancangan yang baik dalam pengurusan risiko bencana. CBDRM membantu komuniti dalam mengenal pasti risiko setempat, sumber daya masyarakat, dan merancang pelan Tindakan yang lebih berkesan. Untuk memperkuat sokongan bencana, perkongsian teknologi dan alat bantu kerajaan disediakan kepada komuniti.

Halatuju 2025 merangkumi taklimat dengan komuniti, mengenal pasti NGO yang boleh melaksanakan CBDRM, serta berkoordinasi dengan MERCY Malaysia. Rakan NADMA

juga dijemput menyertai program JKM di PPS bagi memastikan akses NGO ke PPS serta menyelaraskan penglibatan NGO berkepakaran.

NADMA terus komited dalam memperkuat kerjasama strategik dengan NGO dan agensi berkaitan untuk pengurusan bencana yang lebih sistematik, berkesan, dan mampan dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Dalam bengkel yang diadakan MERCY Malaysia telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai pelaksanaan *Community-Based*



NADMA terus komited dalam memperkuat kerjasama strategik dengan NGO dan agensi berkaitan untuk pengurusan bencana yang lebih sistematik, berkesan, dan mampan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.



Disaster Risk Management (CBDRM).

Penerangan diberikan kepada Rakan NADMA tentang konsep CBDRM, yang menekankan penglibatan aktif masyarakat dalam pengurusan risiko bencana. Kepentingan CBDRM ditekankan sebagai pendekatan proaktif untuk meningkatkan ketahanan komuniti melalui pengurusan risiko yang berasaskan komuniti.

Proses pelaksanaan CBDRM melibatkan fasa-fasa seperti penilaian risiko, perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan. MERCY

Malaysia turut memperkenalkan lima modul penting berdasarkan buku panduan NADMA, iaitu (1) Pengenalan kepada CBDRM, (2) Penilaian Risiko Bencana, (3) Perancangan Tindakan, (4) Pembangunan Kapasiti, dan (5) Pemantauan dan Penilaian. Perkongsian pengalaman MERCY Malaysia dalam melaksanakan CBDRM di pelbagai komuniti menunjukkan keberkesanan pendekatan ini dalam membina kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat terhadap bencana.

Sesi bersama peserta pemegang taruh CBDRM.



AKTIVITI PROGRAM RINTIS

5.4 Taklimat CBDRM-TOT, Kelantan

Bengkel ini dimulakan dengan ucapan aluan serta penghargaan kepada semua peserta yang hadir, diikuti dengan dua sesi utama yang memberi tumpuan kepada strategi dan teknikaliti dalam pengurusan bencana. Sesi pertama, yang dikendalikan oleh pihak NADMA, dan sesi kedua yang disampaikan oleh wakil pihak MERCY Malaysia memfokuskan meningkatkan pemahaman peserta serta memperkukuh kerjasama dalam menghadapi situasi bencana secara lebih berkesan.

 Pihak NADMA berkongsi mekanisme pengurusan risiko bencana di Malaysia, termasuk bantuan kerajaan kepada mereka yang terjejas serta prosedur permohonan yang jelas dan mudah diakses."

Sesi bersama peserta Rakan NADMA.



Dalam bengkel ini, Arahan NADMA No.1 turut dibentangkan bagi menekankan kepentingan penyelarasan dalam pengurusan bencana bagi memastikan tindak balas yang lebih cekap dan sistematik. Data menunjukkan peningkatan kekerapan bencana, khususnya banjir, dengan tahap kemusnahan yang semakin memburuk berbanding tahun sebelumnya. Statistik ini menggariskan kepentingan untuk memperkukuh strategi mitigasi dalam usaha menghadapi risiko bencana yang semakin kompleks dan tidak menentu. Pengurusan risiko bencana yang

lebih efektif dilihat berupaya mengurangkan kawasan hotspot banjir dari tahun ke tahun. Oleh itu, setiap peringkat pengurusan bencana harus memainkan peranan lebih aktif dalam memperkukuh kerjasama dan meningkatkan keberkesanan tindakan bagi menjamin keselamatan rakyat serta mengurangkan impak bencana pada masa hadapan.

Dalam usaha memperkasa peranan NGO dalam pengurusan bencana, NADMA telah menerbitkan buku Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Di Malaysia, yang menekankan aspek penilaian risiko, kapasiti, serta strategi tindakan.

Selain itu, Pihak NADMA turut berkongsi mekanisme pengurusan risiko bencana di Malaysia, termasuk bantuan kerajaan kepada mereka yang terjejas serta prosedur permohonan yang jelas dan mudah diakses. Untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bencana, NADMA turut memperkenalkan inisiatif seperti pelaporan NGO di lapangan bagi meningkatkan koordinasi serta aplikasi khas yang memudahkan pengurusan mangsa bencana secara sistematik.

Dalam sesi kedua, pihak MERCY Malaysia membentangkan konsep CBDRM, yang menekankan peranan aktif komuniti dalam pengurusan risiko bencana. Dengan kerjasama NGO, konsep ini dapat diperluaskan bagi meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat. Peserta turut berkongsi pengalaman banjir, khususnya peranan NGO di Kelantan dalam membantu komuniti. CBDRM memberi impak melalui persediaan komuniti sebelum, semasa, dan selepas bencana. Selain itu, tujuh peringkat pelaksanaan serta modul asas dalam garis panduan diperkenalkan bagi meningkatkan kapasiti komuniti dalam pengurusan bencana secara lebih sistematik.



AKTIVITI PROGRAM RINTIS

5.5 Taklimat CBDRM-TOT, Kota Kinabalu

Bengkel ini diadakan dengan tujuan meningkatkan kesedaran dan kemampuan peserta dalam pengurusan risiko bencana, khususnya di Sabah. Program ini merangkumi dua sesi utama yang dikendalikan oleh pihak NADMA dan MERCY Malaysia. Sesi pertama memfokuskan pada strategi mitigasi dan kerjasama antara agensi, manakala sesi kedua menekankan peranan komuniti melalui konsep *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM).

Dalam bengkel ini, Arahan NADMA No. 1 turut dibentangkan untuk menekankan kepentingan penyelarasan antara agensi dalam memastikan tindak balas bencana yang cekap dan sistematik. Data yang dikongsikan menunjukkan peningkatan kekerapan dan kemusnahan bencana, terutamanya banjir, di Sabah. Statistik ini menggariskan keperluan untuk memperkukuh strategi mitigasi dan kerjasama antara semua pihak.

NADMA turut memperkenalkan garis panduan CBDRM, yang menekankan penilaian risiko, kapasiti komuniti, dan strategi tindakan.

Mekanisme bantuan kerajaan serta prosedur permohonan yang mudah diakses turut dikongsi untuk memastikan bantuan dapat disalurkan dengan cepat dan efektif. Selain itu, inisiatif teknologi seperti aplikasi khas dan sistem pelaporan NGO diperkenalkan untuk meningkatkan koordinasi dan pengurusan mangsa bencana.

Dalam sesi kedua, MERCY Malaysia membentangkan konsep CBDRM yang menekankan peranan aktif komuniti dalam pengurusan bencana. Tujuh peringkat pelaksanaan dan modul asas turut diperkenalkan untuk meningkatkan kapasiti komuniti. Peserta juga berkongsi pengalaman NGO di Sabah dalam membantu komuniti yang terjejas, menunjukkan kepentingan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti tempatan.



 **Bengkel ini berjaya meningkatkan pemahaman peserta tentang langkah-langkah strategik dalam pengurusan risiko bencana. Kerjasama antara semua pihak, penggunaan teknologi, dan pembangunan kapasiti komuniti melalui CBDRM adalah kunci utama untuk mengurangkan impak bencana di Sabah.**

Secara keseluruhan, bengkel ini berjaya meningkatkan pemahaman peserta tentang langkah-langkah strategik dalam pengurusan risiko bencana. Kerjasama antara semua pihak, penggunaan teknologi, dan pembangunan kapasiti komuniti melalui CBDRM adalah kunci utama untuk mengurangkan impak bencana di Sabah.

Beberapa langkah strategik dicadangkan untuk meningkatkan pengurusan risiko bencana di Sabah. Pertama, kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti tempatan perlu diperkukuh untuk memastikan koordinasi yang lebih baik. Kedua, penggunaan teknologi seperti aplikasi dan sistem pelaporan perlu diperluas bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bencana. Ketiga, lebih banyak program CBDRM (*Community-Based Disaster Risk Management*) perlu dilaksanakan untuk membangunkan kapasiti komuniti dalam menghadapi bencana. Akhir sekali, kesedaran tentang risiko bencana khusus di Sabah, seperti banjir dan tanah runtuh, perlu ditingkatkan melalui kempen dan pendidikan awam. Langkah-langkah ini diharap dapat mengurangkan impak bencana dan meningkatkan kesiapsiagaan semua pihak.

Sesi bersama peserta.



Rumusan dan Tindakan Kehadapan Bengkel Program Rintis Bersama Rakan NADMA

Pihak NADMA merakamkan mengucapkan terima kasih kepada NGO dan sukarelawan Rakan NADMA atas sumbangan dalam MTL 2024/25, dengan 650 juta tan barangan bantuan berjaya digerakkan. Pelaporan DGIM membantu NADMA memperoleh data lebih tepat melibatkan 17,000 sukarelawan, diharap lebih banyak NGO akan menyertai Platform Rakan NADMA. Kerjasama dan koordinasi dalam bantuan adalah kunci pengurusan risiko bencana. NADMA komited memperbaiki sistem pelaporan sedia ada dan merancang pelaksanaan CBDRM bersama MERCY Malaysia untuk meningkatkan kesedaran komuniti tentang risiko bencana dan tindak balas efektif.

1


Perkongsian Pengalaman dalam Tindak Balas Bencana



Peserta aktif berkongsi pengalaman mereka dalam tindak balas dan respons bencana yang lepas. Perkongsian ini bukan sahaja memberikan gambaran realiti tentang cabaran yang dihadapi di lapangan, tetapi juga menjadi platform untuk peserta belajar daripada pengalaman antara satu sama lain. Pengalaman ini membantu peserta memahami kepentingan penyelarasan dan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti setempat dalam menghadapi bencana.

2

Pemahaman tentang Struktur Pengurusan Risiko Bencana di Peringkat Kebangsaan



Melalui sesi taklimat oleh Wakil NADMA, peserta berjaya memahami dengan lebih jelas struktur dan mekanisme pengurusan risiko bencana di peringkat kebangsaan. Peserta didedahkan dengan sistem pelaporan bencana menggunakan Sistem DGIM, yang merupakan alat penting dalam memastikan maklumat bencana disampaikan dengan pantas dan tepat. Pemahaman ini membantu peserta melihat peranan mereka dalam menyokong sistem kebangsaan dan meningkatkan kecekapan tindak balas bencana.


3

Minat dalam Pelaksanaan CBRM Berdasarkan Garis Panduan NADMA

Peserta menunjukkan minat yang tinggi terhadap pelaksanaan program CBRM berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh NADMA. Mereka bersetuju bahawa pendekatan berasaskan komuniti ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat, tetapi juga membangunkan keupayaan komuniti untuk bertindak secara proaktif dalam menghadapi bencana. Peserta juga menyatakan komitmen untuk melaksanakan program CBRM di kawasan masing-masing dengan berpanduan garis panduan yang telah disediakan.



Rekomendasi dan Cadangan



Sebagai langkah seterusnya, pelaksanaan CBRM perlu diteruskan dalam fasa berikut dengan penglibatan lebih meluas kepada Rakan NADMA. Ini termasuk usaha mengenal pasti Rakan NADMA yang mempunyai kapasiti untuk melaksanakan CBRM dan merancang pelaksanaan program secara lebih tersusun dengan kerjasama MERCY Malaysia. Melalui pendekatan ini, komuniti yang berisiko tinggi dapat menerima bimbingan yang lebih efektif dalam pengurusan bencana.

Di samping itu, pihak NADMA komited untuk memperkukuhkan Platform Rakan NADMA sebagai satu jaringan strategik bagi meningkatkan kolaborasi antara NGO dan agensi berkaitan. Melalui platform ini, perkongsian data, latihan, dan penambahbaikan sistem tindak balas bencana dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dengan kerjasama yang lebih erat, pengurusan risiko bencana di Malaysia akan menjadi lebih sistematik dan mampan untuk jangka masa panjang.

Lampiran Gambar





Program CBDRM-TOT Bersama Pakar CBDRM & Pengamal CBDRM



Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA:

Siri 1 — National Disaster Command Centre (NDCC), Puchong



Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 2 — MERCY Malaysia, KL



Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 3 — Kota Bharu, Kelantan



Taklimat CBDRM-TOT Bersama Rakan NADMA: Siri 4 — Kota Kinabalu, Sabah



Bengkel CBDRM Komuniti:

Siri 1 — Hulu Dungun, Terengganu



Bengkel CBDRM Komuniti:

Siri 2 — Dungun, Terengganu



Bengkel CBDRM Komuniti:

Siri 3 — Ranau, Sabah



Bengkel CBDRM Komuniti:

Siri 4 — Taman Sri Muda, Shah Alam



Bengkel CBDRM-TOT:

Siri 5 — Pusat Konvensyen, Shah Alam



Glosari

CBDRM	<i>Community-Based Disaster Risk Management</i> (Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti)
TOT	<i>Training of Trainers</i> (Latihan Untuk Jurulatih)
CBDRM-TOT	<i>Community-Based Disaster Risk Management – Training of Trainers</i> (Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti – Latihan Untuk Jurulatih)
NADMA	<i>National Disaster Management Agency</i> (Agensi Pengurusan Bencana Negara)
NDCC	<i>National Disaster Command Centre</i> (Pusat Kawalan Bencana Negara)
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
PKOB	Pusat Kawalan Operasi Bencana
PPS	Pusat Pemindahan Sementara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
MTL	Monsun Timur Laut
SFDRR	<i>Sendai Framework for Disaster Risk Reduction</i> (Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana)



JABATAN PEWCAIRAN DAN SALIRAN (JPB) NEGARA SELANGOR
KAWA SEBERA BAWU DI HULU LANGAT
KENYATAAN AM

1. Terdapat 40 orang yang terlibat dalam projek ini, yang berkerja di bawah bimbingan teknikal dan teknikal.
2. Kerja ini akan dijalankan pada masa yang akan datang dan akan dijalankan dengan penuh perhatian.
3. Kerja ini akan dijalankan dengan penuh perhatian dan akan dijalankan dengan penuh perhatian.
4. Kerja ini akan dijalankan dengan penuh perhatian dan akan dijalankan dengan penuh perhatian.

PERTANYAAN DAN ALAMAT
JPB Selangor, Jalan Duta
Tingkat 4, Blok Puncak Selat
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40150 Shah Alam, Selangor
Telefon : 03-8942 7138
Faksimili : 03-8942 8496



PELABURAN SETIAP RINGGIT

dapat mengurangkan risiko bencana serta menjimat sehingga **RM80** dalam kerugian dan respon bencana

#PelaburanPengurusanRisikoBencana



TABUNG PENGURUSAN BENC-QR

Untuk maklumat lanjut

www.mercy.org.my

drmm@mercy.org.my

